UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN • *NURSING SERVICE DEPARTMENT*

**Rujukan : UKM HTM.21/176/2**
**Tarikh : 18 Mei 2022**

**Pengarah/ Pengurus**
**Hospital/ Institusi…………………………………………**

**YBhg Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,**

**PELAWAAN UNTUK MENGIKUTI PROGRAM POS BASIK DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UKM SESI 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Unit Pos Basik, Bahagian Perkembangan Kejururawatan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia mempelawa warga dari organisasi YBhg Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan bagi mengikuti Program Pos Basik secara sepenuh masa bagi pengambilan sesi 2022. Program ini akan dijalankan secara sepenuh masa selama enam (6) bulan di Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM.

3. Berikut adalah program pos basik yang ditawarkan serta yuran pengajian tidak termasuk penginapan dan pengangkutan.

| **Program** | **Tempoh** | **Yuran Pengajian** |
|---|---|---|
| Pos Basik Perawatan Diabetes (MQA/PA13718) | 3 Oktober 2022 – 2 April 2023 | RM 7,000.00 |
| Pos Basik Perawatan Intensif (MQA/PA13719) | 3 Oktober 2022 – 2 April 2023 | RM 7,000.00 |
| Pos Basik Perawatan Renal (MQA/PA13720) | 3 Oktober 2022 – 2 April 2023 | RM 7,000.00 |

4. Syarat dan keperluan permohonan adalah seperti di lampiran. Maklumat permohonan juga boleh didapati dengan melayari laman web Unit Pos Basik https://hctm.ukm.my/kejururawatan/bahagian-perkembangan-kejururawatan/unit-pos-basik/. Tarikh tutup permohonan selewat-lewatnya pada **22 Julai 2022.**

5. Sebarang pertanyaan berhubung permohonan program pos basik boleh diemelkan kepada unitposbasik@ppukm.ukm.edu.my. Kerjasama dan perhatian YBhg Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015 Cert. No. QMS 01547

JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Tingkat 5, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, KualaLumpur
Telefon: +603-9145 5340/5341/5345/5352 Faksimili: +603 – 9145 6658 *E-mel:* kjpkejururawatan@ppukm.ukm.edu.my
*Laman Web:* www.ppukm.ukm.my

Yang Benar,

.................................................
**MASRIFAH ZAKARIA**
Ketua
Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM.

sk Fail

## SYARAT-SYARAT PENAWARAN PROGRAM POS BASIK

### 1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

#### 1.1 Syarat-syarat Am:

1.1.1 Telah disahkan dalam jawatan.

1.1.2 Bebas daripada tuduhan dan tindakan tatatertib

1.1.3 Diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Majikan

1.1.4 Lulus pemeriksaan ujian Hepatitis B, C & HIV/AIDS dan UPT (Urine Pregnancy Test) **selepas** calon terpilih untuk mengikuti program ini. Sekiranya keputusan pemeriksaan perubatan tidak lulus, tawaran adalah terbatal dengan sendiri.

1.1.5 Tidak dibenarkan hamil sepanjang mengikuti kursus bagi peserta wanita

1.1.6 Bagi calon HCTM, UKM syarat-syarat juga perlu mengikut Garis Panduan Latihan dan Pengajian, Pusat Perubatan UKM, Jabatan Sumber Manusia, HCTM

#### 1.2 Syarat-syarat Khas:

1.2.1 Mempunyai Diploma Kejururawatan/ Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan yang diiktiraf oleh Lembaga Jururawat Malaysia (LJM).

1.2.2 Berkhidmat sekurang-kurangnya DUA (2) tahun

1.2.3 Mempunyai tiga (3) bulan pengalaman dalam pengkhususan berkaitan

1.2.4 Mempunyai Sijil Pengamalan Jururawat (Annual Practicing Certificate) yang sah dan terkini mengikut tahun permohonan.

1.2.5 Mempunyai Sijil Basic Life Support (BLS) yang terkini dan masih sah sebelum layak memohon program (calon Pos Basik Perawatan Intensif sahaja).


JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN
Hospital Canselor Tuanku Muhriz
Tingkat 5, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, KualaLumpur
Telefon: +603-9145 5340/5341/5345/5352 Faksimili: +603 – 9145 6658 *E-mel:* kjpkejururawatan@ppukm.ukm.edu.my
*Laman Web:* www.ppukm.ukm.my

2. **KEPERLUAN PERMOHONAN**

Setiap permohonan mestilah disertakan dengan dokumen berikut:

2.1 Borang Permohonan Program Pos Basik, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM

2.2 Satu (1) Salinan Kad Pengenalan

2.3 Satu (1) Salinan Sijil Pengamalan Jururawat yang terkini dan sah

2.4 Satu (1) Salinan Diploma Kejururawatan/ Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan

2.5 Surat Pengesahan Jawatan

2.6 Dua (2) keping gambar berukuran passport

Semua dokumen perlu **DISAHKAN BENAR.**

3. Calon luar yang terpilih hendaklah membuat pembayaran kepada Unit Pos Basik, Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan semasa lapur diri dan bayaran hendaklah berbentuk cek atas nama **HOSPITAL UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.**

4. Penginapan ada disediakan mengikut kekosongan. Boleh hubungi Encik Shahrul di talian 03-91454896

5. Tarikh tutup permohonan adalah pada **22 Julai 2022.**

6. Permohonan dengan dokumen yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Unit Pos Basik,**
**Bahagian Perkembangan Kejururawatan**
**Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan,**
**Tingkat 4, Blok Pendidikan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz,**
**Jalan Yaacob Latiff, Bandar Tun Razak,**
**56000 Cheras Kuala Lumpur.**

Atau email permohonan ke unitposbasik@ppukm.ukm.edu.my.

7. Sebarang pertanyaan mengenai permohonan Program Pos Basik, sila hubungi ke talian berikut:

**Puan Siti Sumaiyah Mohamad Nor**
Penyelia Jururawat Pos Basik Perawatan Intensif

**Encik Jasni Ulak**
Ketua Jururawat Pos Basik Perawatan Diabetes

**Puan Norazima Mohamad Arsad**
Ketua Jururawat Pos Basik Perawatan Renal

**0391454898/4895**

Yang Benar,

**ROSLINA RASIP**
Ketua
Bahagian Perkembangan Kejururawatan
Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan
HCTM

sk Fail